



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 9, September 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### **Kompetensi Profesionalisme Guru dan Kesannya Terhadap Efikasi Pengajaran Guru Luar Bandar Sabah**

**Serirama Ebbie<sup>1</sup>, Roslee Bin Talip<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Serirama Ebbie ([seri898581@gmail.com](mailto:seri898581@gmail.com))

#### **Abstrak**

Kajian ini membincangkan tentang kesan kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru sekolah rendah di kawasan luar bandar, khususnya Pedalaman, Sabah. Kajian ini melibatkan lapan dimensi utama dalam kompetensi profesionalisme guru iaitu kecintaan terhadap profesion, berketerampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja berpasukan, proaktif, kreatif dan inovatif dan kefahaman terhadap strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini melibatkan seramai 361 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan skor min, sisihan piawai, ujian t, ANOVA, korelasi Pearson dan regresi. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap kompetensi profesionalisme guru adalah (Min = 4.44; SP = .37), berada pada tahap sangat tinggi manakala efikasi pengajaran guru adalah (Min = 3.99; SP = 0.29), juga berada pada tahap tinggi. Analisis korelasi Pearson mendapati hubungan kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru adalah signifikan dan berada pada aras yang tinggi. Analisis regresi pula mendapati kompetensi profesionalisme guru memberi kesan yang signifikan ke atas efikasi pengajaran guru secara keseluruhan.

**Kata kunci:** pengalaman mengajar, kompetensi profesionalisme guru, efikasi pengajaran

### **Competency Of Teacher Professionalism and Its Impact on The Teaching Efficacy of Rural Teachers in Sabah**

#### **Abstract**

This study discusses the effect of teacher professionalism competency on the teaching efficacy of primary school teachers in rural areas, particularly the Interior, Sabah. This study involved eight main dimensions in the competency of teacher professionalism namely passion for the profession, competence, integrity, example, teamwork, proactive, creative and innovative and understanding of teaching and learning strategies (PDP). The study involved 361 respondents among primary school teachers in the Interior of Sabah. The study variables were tested using descriptive and inference statistics involving mean scores, standard deviations, t tests, ANOVA, Pearson correlation and regression. The data was analyzed using SPSS software version 22.0. The study showed the level of competence of the teacher's professionalism was (Min = 4.44; SP = .37), is at a very high level while the efficacy of teacher teaching is (Min = 3.99; SP = 0.29), also at a high level. Pearson's correlation analysis found the relationship of teacher professionalism competence with teacher teaching efficacy was significant and at a high level. Regression analysis also found the competence of teacher professionalism gives a significant impression on the efficacy of teacher teaching as a whole.

**Keywords:** teaching experience, teacher professionalism competence, teaching efficacy

---

## Pengenalan

Kompetensi profesionalisme guru ditafsir sebagai semua bentuk pembelajaran profesional yang diikuti oleh guru terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah dengan tujuan meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan pengajaran mereka. Dalam model Standard Guru Malaysia (2009), kompetensi profesionalisme guru ditafsir sebagai satu kemahiran profesional guru berdasarkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Perkara utama dalam kompetensi profesionalisme guru adalah memastikan guru mampu melaksanakan tanggungjawab khususnya pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Pengajaran dan pembelajaran berkesan merupakan faktor yang dapat menentukan kejayaan pembelajaran murid-murid. Penekanan kepada '*core-business*' ini menjadikan sekolah lebih cemerlang terutamanya dalam pencapaian akademik murid. kompetensi profesionalisme guru juga merujuk kepada bagaimana seorang guru itu menguasai kecekapan bekerja dalam bidang tertentu. Menurut Nur Hafizah dris dan Rohana (2013), tahap kompetensi profesionalisme guru yang rendah akan memberikan impak negatif terhadap pencapaian akademik dan juga perkembangan positif sekolah. Guru dikatakan kompeten apabila guru tersebut dapat menguasai kecekapan dalam bidang kerja yang diceburinya. Guru yang kompeten juga mampu untuk menjalankan tugas-tugas selain mengajar seperti mengurus, mengelola dan bersedia untuk berkolaboratif dengan guru lain semasa menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh pihak sekolah. Tingkah laku kompetensi profesionalisme guru juga boleh mempengaruhi dua aspek organisasi sosial sekolah, iaitu iklim pembelajaran dan pengelolaan pengajaran. Kedua-dua aspek ini merupakan asas kepada pembentukan sikap dan perilaku guru-guru serta pengalaman pembelajaran murid. Dapatan kajian Nasuha (2009), mendapati pembentukan sendiri seseorang guru mempunyai kaitan rapat dengan elemen-elemen kemahiran dalam pengurusan, komunikasi yang baik dan mempunyai kemampuan dalam menyelesaikan masalah. Kompetensi profesionalisme guru wajar untuk dikaji memandangkan kompetensi ini boleh mempengaruhi tahap efikasi pengajaran guru dan menentukan kejayaan guru dalam menjalankan tanggungjawabnya.

## Pernyataan Masalah

Kajian Mohd. Nur Mustafa (2013), mendapati tahap kompetensi profesional guru berada pada tahap yang sederhana. Manakala dapatan kajian Parkley dan Stanford (2010), mendapati guru yang mempunyai tahap profesionalisme tinggi sentiasa mengamalkan tingkah laku yang profesional. Guru ini akan berusaha mencari penyelesaian bagi setiap masalah yang dihadapinya. Seorang guru yang bersifat profesional sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan bidang pengajaran. Bagi guru yang profesional, pembelajaran adalah sepanjang hayat. Ini bermakna guru haruslah sentiasa bersemangat untuk mencari dan mendapatkan ilmu baharu serta bersedia untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Guru profesional juga bersedia untuk memberikan punca kuasa kepada pihak tertentu demi untuk kebaikan pembelajaran serta sentiasa melibatkan diri dalam setiap aktiviti sekolah. Kajian lepas berkaitan efikasi mendapati tahap efikasi bagi guru-guru di Malaysia adalah tinggi (Khalid, 2012; Mohd Yusri, 2012; Khalid, Zurida, Shukri dan Ahmad Tajuddin, 2009; Zaidatol et al., 2005; Maguire, 2011; Sandoval 2010). Walau bagaimanapun terdapat juga kajian lepas yang kontradik atau sebaliknya. Kajian Ishak Sin (2001) dan Hipp (1996), menunjukkan tahap efikasi guru hanyalah berada pada tahap sederhana. Demikian juga dengan kajian oleh OECD *Teaching and Learning International Study* (TALIS) (2009), mendapati bahawa tahap efikasi bagi guru-guru di Malaysia adalah hanya pada aras sederhana. Dapatan kajian lepas ini menjadi salah satu sebab bagi penyelidikan untuk melihat sejauh mana variabel kompetensi profesionalisme guru ini memberi kesan kepada tahap efikasi pengajaran guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah

Menurut Mulyasa (2011), Profesion keguruan memerlukan guru-guru yang kompeten. Guru yang kompeten merujuk kepada guru yang mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam bidang pendidikan. Guru yang kompeten merupakan guru yang terlatih dan mempunyai kemahiran bukan sahaja dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) tetapi juga mempunyai kepakaran untuk mengendalikan perkara-perkara di luar bilik darjah seperti pengurusan organisasi, mengelola aktiviti murid, melakukan tugas-tugas perkeranian dan mampu bergaul dengan masyarakat. Seorang guru yang kompeten seharusnya mempunyai etika kerja yang cemerlang.

Berasaskan kepada dapatan kajian lepas, penyelidik membuat andaian bahawa tahap kompetensi profesionalisme guru-guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah berada pada tahap yang rendah dan ini telah memberikan kesan kepada guru-guru dalam mempelbagaikan amalan pengajaran di bilik darjah. Guru-guru gagal untuk memberi variasi dalam pelaksanaan PDP. Pernyataan masalah dalam kajian ini menyatakan guru-guru sekolah rendah di pedalaman, Sabah tidak dapat melaksanakan peranan sepenuhnya sebagai pelaksana pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini akhirnya memberikan kesan terhadap amalan-amalan pengajaran yang berkesan.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti:

- i. Mengenal pasti tahap skor min kompetensi profesionalisme guru dan efikasi pengajaran guru dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di pedalaman, Sabah.
- ii. Mengenal pasti adakah terdapat perbezaan skor min kompetensi profesionalisme guru dan efikasi pengajaran guru berdasarkan kepada faktor jantina dan tempoh perkhidmatan dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di pedalaman, Sabah.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara kompetensi profesionalisme guru dengan efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah di pedalaman, Sabah.
- iv. Mengenal pasti pengaruh kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru bagi guru-guru sekolah rendah di pedalaman, Sabah.

## **Definisi Operasional**

### ***Kompetensi Profesionalisme Guru***

Menurut Craff (2000) dan Amin Senin (2005), kompetensi profesionalisme merupakan semua bentuk pembelajaran profesional yang telah diikuti oleh guru terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengajaran mereka. Manakala menurut model Standard Guru Malaysia (2009), kompetensi profesionalisme guru merupakan kemahiran profesional guru berdasarkan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

### ***Efikasi Pengajaran***

Gibson dan Dembo (1984), mendefinisikan efikasi pengajaran guru sebagai tahap kepercayaan, keyakinan dan kebolehan diri sendiri untuk mengatasi masalah pembelajaran murid. Bandura (1994), mendefinisikan efikasi pengajaran guru sebagai kepercayaan individu terhadap kemampuan mempengaruhi orang lain bagi meningkatkan tahap pencapaian yang disasarkan. Individu yang mempunyai efikasi pengajaran tinggi mampu untuk mempengaruhi cara berfikir, tingkalah dan motivasi. Individu yang mempunyai kekuatan efikasi pengajaran sentiasa berusaha mencapai objektif yang lebih mencabar dan komited jika dibandingkan dengan individu yang rendah efikasi pengajarannya (Bandura, 1994).

Menurut Bandura (1997), keyakinan dan kepercayaan guru terhadap keupayaannya dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan dan berupaya meningkatkan pencapaian pembelajaran murid

juga boleh ditafsirkan sebagai efikasi pengajaran guru. Manakala Tschannen-Moran dan Hoy (2001), berpendapat efikasi pengajaran guru merupakan pertimbangan guru terhadap keupayaannya untuk mencapai hasil yang diharapkan melalui penglibatan dan pembelajaran murid, walaupun ada antara murid yang menghadapi kesukaran dan tidak bermotivasi. Sementara Ainon (2009), mentafsir efikasi pengajaran guru sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi kejayaan seseorang. Menurutnya lagi, efikasi pengajaran guru ini mempunyai hubungan dengan keupayaan seseorang untuk melakukan tugas hingga ke tahap tertentu.

## **Keputusan Kajian**

Walaupun dapatan kajian lepas yang dilaksanakan di sekolah-sekolah berkesan menunjukkan kompetensi profesionalisme guru memberi impak kepada peningkatan akademik seterusnya kemajuan sekolah tersebut tetapi terdapat juga dapatan kajian yang kontradiksi, mendapati tidak terdapat kesan yang besar kompetensi profesionalisme guru terhadap tahap efikasi pengajaran guru. Dapatan kajian lepas yang tidak konsisten ini menjadi salah satu pendorong kepada penyelidik untuk membuat kajian lanjut bagi mengenal pasti kesan kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru. Penyelidik berpendapat kajian perlu dilakukan bagi melihat tahap kompetensi profesionalisme guru-guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah. Hasil kajian ini nanti dapat memberikan maklumat menyeluruh kepada pentadbiran sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) khususnya di Pedalaman, Sabah dalam merancang program-program bersesuaian bagi meningkatkan profesionalisme guru. Maklumat seperti itu juga dapat membantu organisasi sekolah dalam memberikan penekanan terhadap perkara-perkara yang dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan proses pengajaran guru. Maklumat daripada kajian ini, seterusnya boleh memberikan sumbangan kepada pihak pengurusan pendidikan untuk menentukan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan kemajuan akademik di Pedalaman, Sabah.

Hasil kajian ini juga dapat membantu pihak pentadbir sekolah dalam membuat penilaian dan perancangan sekolah agar meningkatkan iklim tempat kerja. Maklumat ini penting kerana ianya dapat dijadikan sebagai indikator sama ada sekolah semakin meningkat atau semakin mundur. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah dapat mengekalkan kualiti dan prestasi kerja di samping mewujudkan suasana kerja yang aman, harmoni dan selesa. Hubungan antara variabel sangat penting untuk dikaji supaya langkah-langkah positif dapat diberikan perhatian. Ketidakefektifan guru di sekolah dapat dikurangkan agar usaha menjamin keberkesanan pengajaran guru di sekolah dapat ditingkatkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) boleh menjadikan dapatan kajian sebagai panduan untuk menilai dan mengkaji sebab utama kepada senario pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang rendah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian penting agar tindakan penyelesaian kepada masalah pencapaian UPSR di Pedalaman Sabah dapat dirancang dan dilaksanakan. Penyelidik juga berharap agar kajian ini dapat menambah khazanah ilmu di negara ini dan menjadi asas bagi kajian lanjutan mengenai kompetensi profesionalisme guru dan tahap efikasi pengajaran guru di Pedalaman, Sabah terutamanya dalam kalangan pensyarah, pelajar-pelajar lepasan ijazah dan para pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dengan adanya kajian lanjutan mengenai kompetensi profesionalisme guru dan efikasi pengajaran guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah, dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah pencapaian UPSR.

## **Konsep, Teori dan Model Kompetensi Profesionalisme Guru**

### ***Teori Kompetensi Boyatzis (1982)***

Menurut Boyatzis (1982), individu yang mempunyai kompetensi biasanya mempunyai ciri khas seperti sentiasa memberikan kerjasama yang tinggi dalam setiap perkara yang menjurus kepada kejayaan sekolah, mampu membuat perancangan yang baik dalam setiap aktiviti yang dikendalikannya, sentiasa mengamalkan sikap bantu membantu dalam menjayakan misi kurikulum

dan kokurikulum dan sebagainya. Individu yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi sentiasa berusaha untuk memaksimumkan impak kejayaan kepada murid dan sekolahnya.

Penyelidik menggunakan teori Boyatzis (1982), sebagai rujukan kerana penyelidik mendapati terdapat pendapat Boyatzis yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Teori Boyatzis (1982), menyatakan bahawa individu yang mempunyai kompetensi merujuk kepada mereka yang berkeyakinan dalam menjalankan tugas, kemahiran komunikasi yang baik dan mempunyai pemikiran induktif dan kreatif dalam penyelesaian masalah. Salah satu objektif utama kajian ini adalah untuk menyelidik pengaruh kompetensi terhadap efikasi pengajaran guru. Berdasarkan teori Boyatzis (1982), penyelidik berpendapat seorang guru mesti mempunyai tahap kompetensi yang tinggi kerana ianya mempunyai pengaruh ke atas tahap efikasi pengajaran guru itu sendiri. Tahap kompetensi yang tinggi akan menjadikan guru mempunyai keyakinan dan kemahiran dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik.

### ***Model Standard Guru Malaysia (SGM, 2009)***

Model Standard Guru Malaysia (SGM, 2009), merupakan standard kompetensi yang perlu ada pada setiap guru selepas mereka menamatkan latihan perguruan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau di Institut Pendidikan Guru (IPG). Model SGM menetapkan tiga standard yang wajib dikuasai oleh semua guru. Penguasaan standard ini akan membolehkan guru-guru mempunyai tahap kompetensi dan profesionalisme yang tinggi. Ketiga-tiga standard yang wajib dicapai oleh guru ialah amalan nilai profesionalisme yang tinggi, mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam ilmu pendidikan, kurikulum dan kokurikulum dan yang ketiga ialah mempunyai kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009).

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengambil tahap profesionalisme guru sebagai salah satu pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi tahap efikasi pengajaran bagi guru-guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah. Seorang guru yang sudah menamatkan pengajian di IPG seharusnya mempunyai amalan bertanggungjawab terhadap profesionnya dan menjalankan tugas secara profesional. Standard nilai profesionalisme dalam model SGM menekankan nilai seperti kecintaan terhadap profesion, keterampilan, integriti, teladan, mengamalkan kerja berpasukan, proaktif, kreatif dan inovatif dan mempunyai kefahaman terhadap strategi-strategi PdP (KPM, 2009).

Rajah 1: Model Standard Guru Malaysia



Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia (2009)

Kajian mengenai tahap profesionalisme guru penting untuk dikaji kerana penyelidik berpendapat tahap profesionalisme yang ada pada setiap guru akan menentukan tahap efikasi pengajaran guru tersebut. Tahap efikasi pengajaran guru pula seterusnya akan memberi impak terhadap pencapaian murid khususnya dan sekolah amnya. Penyelidik menggunakan model ini sebagai asas kajian kerana model ini mempunyai dimensi-dimensi yang selaras dengan dimensi yang dikaji oleh penyelidik.

## **Konsep, Teori dan Model Efikasi Pengajaran Guru**

Gibson dan Dembo (1984), menjelaskan efikasi pengajaran guru merupakan kepercayaan dan keyakinan guru terhadap kekuatan, kebolehan dan keupayaan dirinya untuk melaksanakan pengajaran. Terdapat dua konstruk utama dalam efikasi pengajaran guru iaitu keupayaan sendiri dan keupayaan mengajar. Keupayaan sendiri merujuk kepada keyakinan guru terhadap keterampilan dan kebolehannya dalam mengubah corak pembelajaran. Keupayaan mengajar pula merujuk kepada kepercayaan bahawa seseorang guru mempunyai kebolehan untuk mengubah murid dengan mengambilkira beberapa faktor seperti latar belakang, pengaruh ibu bapa dan persekitaran mereka. Dalam konteks kajian ini, efikasi pengajaran guru dikaji berdasarkan dua aspek iaitu efikasi pengajaran personal dan efikasi pengajaran am.

### ***Teori Efikasi Pengajaran Guru***

Menurut Ashton dan Webb (1986), efikasi pengajaran guru merupakan tahap keyakinan guru dalam mempengaruhi prestasi akademik murid. Gibson dan Dembo (1984), pula mendefinisikan efikasi pengajaran guru sebagai keyakinan dan kepercayaan terhadap kebolehan, keupayaan diri dan kekuatannya untuk mengajar. Gibson dan Dembo (1984), juga berpendapat bahawa tahap efikasi pengajaran guru merupakan aspek yang membezakan antara seorang guru dengan guru yang lain.

Gibson dan Dembo (1984), telah membahagikan efikasi pengajaran guru kepada dua konstruk iaitu keupayaan sendiri dan keupayaan mengajar. Keupayaan sendiri merujuk kepada keyakinan guru untuk mengubah prestasi akademik murid-murid. Konsep ini adalah sama dengan konsep efikasi pengajaran sendiri yang dikemukakan oleh Bandura (1997). Keupayaan mengajar pula merujuk kepada kepercayaan bahawa peluang guru untuk mengubah muridnya mempunyai limitasi. Limitasi ini disebabkan oleh kewujudan pengaruh luaran seperti persekitaran, latar belakang dan ibu bapa. Konsep yang kedua ini mempunyai persamaan dengan konsep jangkaan hasil Bandura (1997). Manakala Hoy dan Spero (2005), mentafsir efikasi pengajaran guru sebagai penilaian guru terhadap kebolehan mereka dalam menggalakkan pembelajaran murid. Mereka juga berpendapat perkembangan guru banyak dipengaruhi oleh pengalaman mereka semasa melakukan proses PdP. Dapatan kajian Hoy dan Spero (2005), adalah selaras dengan teori efikasi Bandura yang menyatakan bahawa efikasi pengajaran mudah terbentuk pada tahun pertama bertugas dan menjalankan sesi pengajaran.

Menurut Liaw (2009), kesan pengajaran guru secara kelas dan berkumpulan memainkan peranan penting dalam meningkat efikasi pengajaran guru. Efikasi pengajaran guru boleh meningkat melalui pengalaman yang dilalui dalam pengajaran di kelas dan perbincangan kumpulan. Ini memberi gambaran bahawa efikasi pengajaran personal atau sendiri guru sangat penting dalam mencorakkan pengajaran dalam kelas. Guru yang mempunyai efikasi personal yang tinggi menunjukkan prestasi kerja yang baik dan kesungguhan sendiri yang tinggi. Efikasi pengajaran am pula merupakan keyakinan dan kepercayaan guru terhadap keupayaannya untuk mempengaruhi murid adalah terhad kerana terdapat faktor-faktor luar seperti latar belakang, pengaruh ibu bapa, masyarakat dan organisasi yang boleh menjadi faktor lain dalam menentukan kejayaan seseorang murid.

Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan mencadangkan tahap keyakinan dan kebolehan guru dalam melaksanakan pengajaran merupakan pemboleh ubah penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran seseorang guru (Guskey, 1987). Pendapat ini diperkukuhkan lagi oleh Ashton dan Web (1986), yang menyatakan bahawa situasi ini berlaku kerana guru yang tinggi efikasi pengajarannya mempunyai pengaruh yang besar terhadap aktiviti, usaha dan produktiviti. Dalam konteks ini Bandura


(1997), turut menyebutkan bahawa peningkatan keyakinan dan kebolehan diri memberi impak tinggi terhadap peningkatan budaya kerja seterusnya dapat meningkatkan prestasi guru tersebut.

Guru yang tinggi tahap efikasi pengajarannya sentiasa merancang pembelajaran murid, memberi dorongan agar mereka sentiasa belajar, menetapkan matlamat, mengenal pasti strategi untuk mencapai matlamat, seronok terhadap tugasnya dan juga murid-muridnya. Sebaliknya guru-guru yang rendah efikasi pengajarannya tidak berusaha menetapkan matlamatnya, tidak merancang strategi untuk mencapai matlamat, tidak pasti apakah yang patut dicapai oleh murid, sering kecewa terhadap tugasnya dan mempunyai perasaan negatif terhadap kerja dan murid.

### **Model Efikasi Guru Tschannen-Moran, Hoy & Hoy (1998)**

Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy dan Hoy (1998), telah membina sebuah model efikasi pengajaran guru dengan memasukkan maklumat yang dicadangkan oleh Bandura (1997), iaitu dorongan secara lisan, pengalaman vikarius, merangsang psikologikal dan pengalaman masteri. Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy dan Hoy berpendapat keempat-empat maklumat ini berupaya meningkatkan efikasi bagi guru.

Rajah 2: Model Efikasi Guru



Sumber: Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy dan Hoy (1998)

### ***Dorongan secara lisan***

Maklumat pertama ialah dorongan secara lisan. Bandura, 1997 (dalam Dewi Isma, 2015), menyatakan bahawa dorongan secara lisan merupakan metod yang boleh mempengaruhi tahap efikasi pengajaran bagi guru tetapi pada aras yang lemah. Dorongan secara lisan mampu untuk mempengaruhi guru untuk menjalankan tanggungjawab yang diberi. Walau bagaimanapun dorongan secara lisan juga mudah diabaikan oleh guru apabila berasa bahawa dorongan secara lisan tidak berupaya membantu dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

Dorongan secara lisan yang bersifat positif juga mampu menjadi pemangkin kepada budaya kerja bagi para guru. Dorongan secara lisan yang positif memungkinkan guru mengatur strategi yang sesuai apabila mendapat tugas. Walau bagaimanapun dorongan secara lisan juga mempunyai batasan. Seseorang guru dikatakan bersemangat dalam menjalankan tugas yang diberi sekiranya menerima dorongan secara lisan yang bersifat positif tetapi apabila pada akhirnya guru tersebut menemui masalah yang akan menjejaskan pelaksanaan tugas yang diberi, akan menyebabkan tahap efikasi

bagi guru tersebut menurun. Dalam konteks ini, dorongan secara lisan menunjukkan pengaruh besar dalam pembentukan awal terhadap efikasi .

### *Pengalaman vikarious*

Pengalaman vikarious terjadi apabila guru memerhati dan melibatkan diri dalam aktiviti yang hendak dipelajari (Bandura,1997; Dewi, 2015). Dalam konteks ini, tahap efikasi pengajaran guru boleh meningkat melalui pengalaman akibat sesuatu (*Vicarious*) yang terhasil melalui peniruan. Walau bagaimanapun tahap penyerapan pengalaman antara individu adalah berbeza. Ianya bergantung kepada proses kognitif individu. Pengalaman melalui peniruan dikatakan menjadi sukar sekiranya tahap efikasi rendah. Menurut Dewi (2015), semakin hampir individu dengan peniruan yang hendak dilakukannya, semakin kuat kesannya terhadap efikasi pengajaran guru. Pemerhatian terhadap individu lain semasa melakukan tugas akan menimbulkan jangkaan bahawa tugas yang dilakukannya akan berjaya.

### *Merangsang psikologikal*

Pengalaman lepas merupakan sumber utama kepada pembinaan efikasi bagi setiap individu. Pengalaman kejayaan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti sudah pasti memberi pengaruh terhadap kepercayaan efikasi bagi seorang guru. Dalam konteks ini, tahap efikasi pengajaran guru akan meningkat sekiranya dia mempercayai kejayaan aktiviti yang dijalankan adalah disebabkan oleh kemampuannya dalam merancang dan melaksanakan setiap perancangan. Efikasi pengajaran guru akan mendorong guru untuk melakukan tugas pengajaran dengan lebih bersemangat.

Kadang-kadang guru berasa tidak yakin terhadap kemampuan dirinya. Pada saat inilah pertimbangan efikasi guru akan menjadi sensitif dan menjadikan pengalaman orang lain sebagai rujukan. Guru seterusnya menjadikan pengalaman *vicarious* sebagai rujukan. Guru akan membandingkan keupayaan dirinya dengan kejayaan orang yang ditirunya. Sekiranya guru memiliki keupayaan yang hampir menyamai dengan orang yang dijadikan sebagai model maka ianya akan memberi kesan positif terhadap efikasi pengajaran guru tersebut (Dewi Isma, 2015). Sebaliknya jika model yang dicerap merupakan model yang gagal maka akan memberi impak negatif terhadap efikasi guru tersebut.

### *Pengalaman masteri*

Antara semua faktor dalam model efikasi berasaskan sumber maklumat, faktor pengalaman masteri adalah faktor yang paling berpengaruh. Ini kerana pengalaman masteri menyediakan maklumat realistik yang dapat menunjukkan kemampuan individu dalam melakukan sesuatu perkara. Menurut Bandura (1997), kejayaan cenderung kepada peningkatan efikasi manakala kegagalan akan melemahkan tahap efikasi. Pengalaman masteri merupakan faktor yang paling berpengaruh berbanding faktor-faktor lain dalam model efikasi berasaskan sumber maklumat oleh Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy dan Hoy (1998). Ini kerana pengalaman masteri menunjukkan bukti-bukti yang menunjukkan kemampuan individu dalam menjalankan sesuatu tugas.

Tschannen-Moran, Woolfolk Hoy dan Hoy (1998), menjelaskan bagaimana pengalaman masteri mempengaruhi efikasi. Pertama ialah, pengalaman masteri sinonim dengan pengetahuan sedia ada pada individu tertentu. Pengalaman-pengalaman yang dilalui akan menjadi panduan yang jelas bagi individu tersebut. Jika individu mempunyai tahap efikasi yang tinggi, pengalaman yang berulang tidak akan memberikan kesan besar kepada individu tersebut. Ini kerana pengalaman sebelumnya sudah berupaya meningkatkan tahap efikasi individu tersebut. Kedua adalah berkaitan dengan tahap kesukaran bagi sesuatu tugas. Tugas pada aras mudah tidak akan memberikan kesan besar terhadap efikasi. Sebaliknya, sekiranya tugas itu pada aras kesukaran tinggi, ianya akan mempengaruhi tahap efikasi. Tahap kesukaran dalam menjalankan tugas akan menyebabkan individu berusaha sedaya upaya sehingga ke tahap maksimum dan ini memberikan kesan terhadap efikasinya. Walau bagaimanapun situasi ini adalah berbeza mengikut individu. Ini kerana terdapat pendapat yang menyatakan bahawa semakin besar daya usaha dalam melaksanakan tugas yang diberi tetapi memperlihatkan kemampuan pada tahap rendah, menunjukkan individu tersebut mempunyai tahap



efikasi yang rendah. Individu yang berdaya usaha menunjukkan mempunyai keupayaan yang tinggi dan ini mampu meningkatkan efikasi individu tersebut. Ketiga merupakan pilihan kawalan diri untuk menghasilkan pencapaian. Setiap individu mempunyai hak untuk menentukan pencapaian masing-masing. Biasanya kejayaan akan lebih diingati berbanding kegagalan. Setiap kejayaan yang dikecapi mampu untuk meningkatkan tahap efikasi individu tersebut.

Walau bagaimanapun, model efikasi berasaskan sumber maklumat yang dibina oleh Tschannen-Moran, Woolfolk Hor dan Hoy (1998), telah ditolak oleh Henson (2001). Henson berpendapat bahawa ukuran efikasi terhadap guru tidak boleh diselidik dengan hanya menggunakan sumber maklumat seperti yang disarankan oleh Tschannen-Moran, Woolfolk Hor dan Hoy. Menurut Henson lagi keempat-empat sumber maklumat yang diketengahkan oleh Tschannen-Moran, Woolfolk Hor dan Hoy tidak diselidik dalam penyelidikan efikasi guru terlebih dahulu. Selain Henson, penyelidik lain yang turut menolak model efikasi berasaskan sumber maklumat Tschannen-Moran, Woolfolk Hor dan Hoy ialah Gibson dan Dembo (1994), Taylor dan Tashakkori (1995) dan Hipp (1996). Dalam penyelidikan mereka terhadap efikasi guru, mereka tidak mempertimbangkan untuk menjadikan keempat-empat sumber maklumat yang diketengahkan oleh Tschannen-Moran, Woolfolk Hor dan Hoy sebagai sebahagian daripada faktor yang mempengaruhi tahap efikasi guru. Sebaliknya mereka lebih tertumpu kepada faktor lain yang dijangka lebih dominan dalam mempengaruhi tahap efikasi guru seperti latar belakang guru, ciri-ciri sekolah dan kepimpinan guru besar (Hipp, 1996) dan iklim sekolah (Taylor dan Tashakkori, 1995).

## Metod Kajian

Mohammad Yusuf (2001), menyatakan reka bentuk merupakan satu perancangan yang akan menentukan tatacara mengumpul data dan seterusnya membuat analisis. Reka bentuk kajian ini merupakan reka bentuk bukan eksperimental. Reka bentuk bukan eksperimental digunakan bagi mengumpul maklumat daripada para responden. Reka bentuk bukan eksperimental juga melibatkan persampelan, proses pengumpulan maklumat dan pendapat yang mana responden akan disoal dan menjawab soal selidik yang telah disediakan. Reka bentuk bukan eksperimental digunakan apabila rawatan tidak dapat dilaksanakan dalam sesuatu kajian kerana variabel bebas wujud secara semula jadi (Chua, 2006). Reka bentuk kajian ini membimbing penyelidik untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian dan juga hipotesis-hipotesis kajian yang telah dibuat lebih awal.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif mula digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam kajian mereka yang bermula pada akhir abad ke-19, yang kemudiannya telah digunakan secara meluas dalam kajian-kajian yang seterusnya khususnya dalam bidang pendidikan abad ke-20 (Creswell, 2008). Menurut Mohamad Najib (1999), pendekatan kuantitatif adalah berdasarkan kepada kategori kuantiti seperti menggunakan angka skor dan kekerapan. Pendekatan kuantitatif cenderung ke arah mendapatkan data melalui pengukuran terhadap objektif kajian supaya dapat digeneralisasikan. Zechmeister et al. (1997), menyatakan penyelidikan yang menggunakan pendekatan kuantitatif merujuk kepada kajian yang dihasilkan dengan menggunakan analisis statistik.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan sesuai digunakan kerana kaedah tinjauan secara umumnya bertujuan untuk memberikan perhatian terhadap penghuraian, penjelasan dan penerokaan terhadap bidang kajian (Babbie, 1998). Kaedah ini mengumpul maklumat terperinci mengenai fenomena yang berlaku dengan tujuan menggunakan data untuk membuktikan situasi dan amalan yang wujud atau membuat rancangan yang lebih baik bagi memperbaikinya (Van, 1993). Fullan (1991) serta Ary et al. (1985), menyatakan kaedah tinjauan ini juga digunakan untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku. Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat sampel kajian. Blake dan Champion (1970), menyatakan kaedah tinjauan merupakan suatu kaedah yang spesifik untuk mengumpul maklumat mengenai sekumpulan besar populasi.


Teknik pengumpulan data dalam kajian ini ialah menggunakan borang soal selidik kerana teknik ini merupakan teknik yang berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak daripada beberapa buah sekolah yang bertujuan untuk mengenal pasti kesan kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru. Penggunaan borang soal selidik adalah sesuai kerana kaedah ini mengurangkan masa dan kos kajian (Gay & Peter, 2003). Penggunaan borang soal selidik juga dapat mengelakkan responden daripada dipengaruhi oleh penyelidik (Sabitha, 2009). Item yang seragam memudahkan penyelidik untuk menganalisis data (Ahmad Mahzan, 1995).

Kajian ini menggunakan analisis statistik inferens dan deskriptif. Analisis statistik inferens bertujuan untuk menguji perbezaan, hubungan dan pengaruh kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru. Statistik inferens yang digunakan adalah ujian-t, ANOVA, korelasi 'pearson' dan teknik regresi bagi menguji hipotesis nul dan menjawab soalan-soalan kajian. Analisis kajian ujian-t dan ANOVA digunakan untuk menguji perbezaan tahap kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru berdasarkan jantina dan tempoh berkhidmat. Analisis kajian korelasi 'Pearson' akan mengkaji kaitan antara pemboleh ubah yang wujud dalam sesuatu masalah. Kajian ini akan memberi penekanan terhadap penentuan perkaitan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut. Analisis regresi akan memberi peluang kepada penyelidik untuk mengenal pasti kesan serta sumbangan pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar (Mohamad Majid Konting, 2000).

## Kerangka Konsep

Secara umumnya Kerangka konseptual kajian membimbing penyelidik ke arah mendapatkan maklumat berkaitan dengan tujuan kajian yang dijalankan. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang akan menggunakan kajian tinjauan. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian tinjauan, soal selidik berperanan sebagai instrumen utama. Kajian deskriptif sesuai digunakan kerana dapat menjelaskan situasi yang sedang berlaku semasa kajian dijalankan (Mohd. Majid, 1994). Selain daripada itu, menurut Sid Gazalba (1981), kaedah tinjauan adalah untuk mengumpulkan data dari sejumlah unit atau individu dalam satu masa. Data yang diperolehi boleh dianalisis secara logik. Kaedah tinjauan ini dipilih kerana ianya bersifat saintifik, logik dan khusus (Burns, 1990).

Rajah 3: Kerangka konseptual kesan kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi



Kerangka konsep merupakan sebuah model yang menjelaskan tentang urutan logik perhubungan antara faktor-faktor yang dikenal pasti penting berkaitan sesuatu masalah kajian (Gentner, 2010). Berdasarkan tinjauan literasi, penyelidik mendapati terdapat perkaitan antara kompetensi profesionalisme guru dengan tahap efikasi pengajaran guru. Untuk mendapatkan maklumat mengenai pemboleh ubah yang dikaji, beberapa soalan disediakan dalam instrumen soal selidik dan perlu dijawab oleh para responden yang terlibat. Instrumen penyelidikan ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya terlebih dahulu melalui kajian rintis. Ini bertujuan untuk memastikan supaya

soal selidik yang dibina sesuai untuk digunakan dan dapat menjawab persoalan-persoalan serta hipotesis kajian yang telah dibuat lebih awal seterusnya memenuhi matlamat kajian. Dalam kajian ini, pemboleh ubah kompetensi profesionalisme merupakan pemboleh ubah bebas (*independent variables*), manakala efikasi pengajaran guru merupakan pemboleh ubah bersandar (*dependent variables*). Kompetensi profesionalisme guru merujuk semua bentuk pembelajaran profesional yang telah diikuti oleh guru terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengajaran mereka.

## Dapatan Kajian

Penyelidik telah membuat analisis bagi pemboleh ubah kompetensi profesionalisme guru dan tahap efikasi pengajaran guru menggunakan interpretasi skor min Creswell (2011). Nilai tafsiran min ditunjukkan dalam jadual 1. Nilai tafsiran min dibahagikan kepada lima

Jadual 1: Interpretasi skor Min

Nilai Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Creswell (2011)

## Analisis Deskriptif kompetensi profesionalisme guru dan Efikasi Pengajaran Guru

Keputusan analisis statistik deskriptif dalam jadual ini menunjukkan skor min bagi kompetensi profesionalisme guru adalah 4.44 dan berada pada tahap sangat tinggi iaitu dalam julat 4.21 - 5.00. Keputusan analisis statistik deskriptif bagi efikasi pengajaran guru pula menunjukkan skor min ialah 4.52 dan berada pada tahap sangat tinggi iaitu dalam julat 4.21 –5.00. Keputusan kajian diterangkan dalam jadual di bawah.


Jadual 3: Skor Min

Instrumen	Bilangan (N)	Min	SP	Tahap
Kompetensi Profesionalisme Guru	361	4.44	.37	Sangat Tinggi
Efikasi Pengajaran Guru	361	4.52	.34	Sangat Tinggi

## Analisis Inferens Kesan Kompetensi Profesionalisme Guru terhadap Efikasi Pengajaran Guru

Sebelum pengujian dijalankan, ujian analisis data dibuat untuk menentukan sama ada data berada dalam keadaan normal dan linear dengan menggunakan Q-Q plot dalam sub-program regresi. Dapatan ujian menunjukkan taburan adalah normal dan linear. Keputusan itu memenuhi kriteria yang diperlukan untuk analisis regresi. Keputusan ujian regresi *stepwise* juga menunjukkan kompetensi profesionalisme guru mempunyai kesan terhadap efikasi pengajaran guru.

#### Rajah 4: Analisis Kompetensi Profesionalisme Guru terhadap Efikasi Pengajaran Guru



### Perbincangan

Fokus utama kajian ini adalah untuk melihat kesan kompetensi profesionalisme guru terhadap efikasi pengajaran guru sekolah rendah di Pedalaman, Sabah. Kajian ini mendapati terdapat kesan dan pengaruh yang signifikan kompetensi profesionalisme guru terhadap tahap efikasi pengajaran guru. Setiap dimensi dalam kompetensi profesionalisme guru menunjukkan adanya kesan dan pengaruh yang jelas terhadap tahap efikasi pengajaran guru. Ini menunjukkan bahawa kompetensi profesionalisme guru mempengaruhi tahap efikasi pengajaran bagi guru sekolah rendah di Pedalaman Sabah.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap efikasi pengajaran guru adalah pada aras yang tinggi iaitu pada skor 3.99. Keputusan kajian ini selari dengan dapatan kajian penyelidik terdahulu seperti Tschannen-Moran dan Hoy (2001), yang mendapati efikasi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi. Tschannen-Moran dan Hoy seterusnya sekali lagi membuat ulangan kajian terhadap efikasi pengajaran guru pada tahun 2002 dan dapatan kajian adalah sama seperti hasil kajian sebelumnya.

### Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa kompetensi profesionalisme guru berupaya memberikan kesan terhadap efikasi pengajaran guru. Guru besar dan guru-guru di sekolah perlu memberikan perhatian terhadap tahap efikasi pengajaran. Ini adalah selaras dengan saranan yang diberikan oleh Gibson dan Dembo (1984), yang menyatakan guru yang berefikasi pengajaran tinggi dapat menerapkan strategi pengajaran masteri berbanding guru yang tahap efikasi pengajarannya rendah, cenderung mengabaikan perkembangan kognitif dan keupayaan murid. Kepercayaan efikasi pengajaran yang tinggi mendorong dan menggalakkan guru supaya lebih berusaha dalam aktiviti pengajaran dalam kelas dengan pelbagai variasi dan teknik pengajaran (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Dapatan kajian ini juga menunjukkan efikasi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi apabila guru-gurunya mempunyai tahap kompetensi profesionalisme yang tinggi. Melalui dapatan analisis yang dibuat, semua persoalan kajian dan hipotesis telah dapat dijawab dan objektif kajian juga telah dicapai.

### Rujukan

Ahmad Mahzan Ayub (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al Ramaiah. (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Alig-Mielcarek, J. M. (2003). *A Model of School Success: Instructional Leadership, Academic Press, and Student Achievement*. Ohio: Ohio State University
- Ashton, P. T. dan Webb, R.B. (1986). *Making A Difference: The Teacher's Sence of Efficacy and Students Achievement*. New York: Longman
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Prentice Hall, Englewood Cliffs, N J.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. W.H. Freeman. New York.
- Blase, J. & Blase, J. (2000). Effective Instructional Leadership. Teacher's Perspective on How Principals Promote Teaching and Learning in Schools. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 130-141
- Chua Yan Piew. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cosner, S. & Peterson, K. (2003). Building a learning community. *Journal of Leadership*, 32: 5-17
- Creswell, J. W. (2008). Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods. *Educational and Psychological Measurements*, 30(3), 607-610.
- Gay, L. R. (2003). *Education Research, Competencies For Analysis And Application (7<sup>th</sup> Edition)*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Gentner, D. (2010). Structure-Mapping: A Theotical Framework For Analogy. *Cognitive Science*, 7, 155-170
- Gibson, S. dan Dembo, M. H. (1984). Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational and Teacher Education*, 17(7), 783-805.
- Guskey, T. R. (1987). Context variables that effect measures of teacher efficacy. *The Journal of Educational Research*, 81(1), 41-47.
- Hallinger, P & Murphy, J.F. (1987). Assessing and Developing Principal Instructional Leadership. *Journal of Educational Leadership*, 56-61.
- Hallinger, P, & Murphy, J.F. (1987). Principals Instructional Management. *Educational Leadership*, 45(1)
- Hallinger, P. dan Murphy, J.F. (1985). Assessing the instructional management behaviour of principles. *The Elementary School Journal*, 86(2):217-247.
- Jackson, R. (2008). *Students Can Learn On Their Own*. Retrived From <http://teacherneedhelp.com/students>. Dimuat turun pada 12 Mac 2013.
- Jackson, S. L. (2008). *Research Methods. A Modular Approach*. Belmont: Thompson Wadsworth.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Saiz For Research Activities.
- Liaw E.C. (2009). Teacher efficacy of pre-service teachers in Taiwan: The influence of classroom teaching and group discussions. *Teaching and Teacher Education*, 25(1), 176-180
- McEwan, E.K. (2003). *Steps to Effective Instructional Leadership (2<sup>nd</sup> edition)*. California: Crowin Press. Inc.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Yusuf. (2001). *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif*. Dalam Ahmad Adam dan Saidatul Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Nornis Mahali (eds). Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah: Prosiding Seminar Penyelidikan dan Penulisan Ilmiah (pp. 22-34). Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Sergiovanni, T. J. (2001). *The Principalship: A Reflective Practice*. USA: Allyn & Bacon
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Trentham, L./ Silvern, S. Dan Brogdon, R. (1985). Teacher efficacy and teacher competency ratings.
- Trentham, L./ Silvern, S. Dan Brogdon, R. (1985). Teacher efficacy and teacher competency ratings. *Psychology in Schools*, 22(3), 343-352
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A.W (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching Psychology*, 76(4):569-582
- Tuckman, B. W (1994). *Conducting Educational Research (4<sup>th</sup> Edition)*. Forth Worth, Texas: Harcourt Brace College Publication.